

Muhamad Anas
Dollah



Bendahari Agung
Majlis Perwakilan Pelajar Universiti Sains Islam
Malaysia sesi 2015/2016

Elak bersikap apati

Mahasiswa hari ini bersikap apati dan tidak mempedulikan hal-hal masyarakat, hanya bertungkus-lumus untuk diri sendiri.

Mahasiswa ingin memberi khidmat kepada masyarakat, tetapi tugas-tugas akademik yang terlalu menekan sering menjadi penghalang.

Itu dua daripada pandangan yang sering didengar daripada pelbagai pihak apabi-

la memperkatakan mengenai sikap dan pembabitian mahasiswa dalam hal-hal berkaitan kepentingan masyarakat.

Keprihatinan dan pembabitian mahasiswa secara aktif dalam hal-hal kemasyarakatan sangat penting kerana akan memberi peluang mereka mengasah kemahiran dalam pelbagai aspek dan menimba pengalaman lebih luas.

Memang tidak dinafikan, belajar menjadi keutamaan

seseorang mahasiswa. Tetapi dengan mengambil kira tujuan kewujudan universiti, apakah mengetahui dan memahami hal-hal berkaitan kepentingan masyarakat setempat tidak termasuk dalam konsep belajar.

Saling berkait

Tanpa pendedahan di lapangan dan kefahaman lanjut, bagaimanakah keprihatinan serta tindakan membantu

masyarakat dalam kalangan pelajar dapat dijana dengan baik dan berkesan. Persoalan ini perlu dengan lebih mendalam.

Mahasiswa perlu bergiat aktif dalam aktiviti kesukarelawan dan pada masa sama memberi fokus kepada pengajian di kampus. Keduanya saling berkait kerana kecemerlangan dalam pengajian semata-mata tidak mampu menjamin kecemerlangan

masa depan.

Mahasiswa yang aktif bukan saja dilatih menjadi seseorang yang berdaya saing malah mempunyai pengetahuan bagi melengkapkan diri dalam pelbagai aspek termasuk mental, fizikal, sahsiah dan kerohaniaan.

Selain kecemerlangan akademik, pengalaman diperoleh sepanjang menyertai aktiviti sukarelawan, kelab atau persatuan akan memberi kelebihan kepada mahasiswa ketika memohon pekerjaan selepas bergraduasi kelak.

Kegiatan kesukarelawan membolehkan mahasiswa melengkapkan diri dengan ilmu pengetahuan. Ilmu tidak diperoleh hanya dalam bilik kuliah atau kelas semata-mata. Ilmu itu luas seperti lautan. Ilmu juga dapat diperoleh melalui pengalaman dan pembabitian dalam sebarang program.

Warisi kepimpinan

Seterusnya, mahasiswa adalah sebahagian daripada anggota masyarakat dan ada antaranya yang bakal mewarisi kepimpinan dalam pelbagai bidang.

Oleh sebab itu, mereka perlu memahami masyarakat. Pembabitian dalam program kemasyarakatan sudah pasti membantu kita mengetahui keadaan sebenar, bukan sekadar gambaran atau cerita daripada orang lain.

Tuntasnya, aktiviti kesukarelawan sangat penting dan

“KEGIATAN KESUKARELAWANAN MEMBOLEHKAN MAHASISWA MELENGKAPKAN DIRI DENGAN ILMU PENGETAHUAN. ILMU TIDAK DIPEROLEH HANYA DALAM BILIK KULIAH ATAU KELAS SEMATA-MATA”

membuka peluang luas kepada mahasiswa untuk mendekati pelbagai lapisan masyarakat.

Tambahan pula, negara memerlukan ramai generasi muda dan aset negara (mahasiswa) untuk terus menerajui pelbagai bidang kesukarelawan dalam usaha melahirkan warga aktif dan produktif.

Jadi rakan-rakan mahasiswa sekalian, mari kita genggam bara api biar sampai jadi arang dan teruskan pembabitian aktif dalam kegiatan kesukarelawan, bukannya sekadar hangat-hangat tahi ayam.



Pendedahan terhadap aktiviti kesukarelawan dapat membuka peluang kepada pelajar mendekati masyarakat.

Mahasiswa yang berminat untuk menghantar rencana, boleh e-mel ke bhvarsiti@bh.com.my